

Lebih 5,000 graduan UMS graduasi 24-25 Nov ini

NST 13.11.2018 8

KOTA KINABALU: Seramai 5,003 graduan Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan bergraduasi pada Majlis Konvokesyen UMS ke-20 pada 24 hingga 25 November nanti.

Menurut Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah (UMS), Datuk K. Y. Mustafa, daripada jumlah itu, 55 adalah graduan Ijazah Sarjana Doktor Falsafah (PhD), 603 graduan Ijazah Sarjana, 4,276 graduan Ijazah Sarjana Muda dan 69 graduan Diploma.

"Pada konvokesyen itu juga menyaksikan seramai 146 pelajar antarabangsa dan 195 pelajar menerima Kelas Pertama (Sarjana Muda) dalam majlistersebut.

"Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Dr Juhar Mahiruddin selaku Canselor UMS akan merasmikan majlis tersebut seterusnya menyampaikan Ijazah kepada para graduan pada sesi pertama," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas mengadakan kunjungan hormat kepada Tun Juhar di



KENANGAN BERSAMA... Rombongan UMS merakamkan gambar kenangan bersama Tun Juhar.

Istana Negeri, pagi Isnin.

Jelasnya, kunjungan bertujuan untuk memaklumkan kepada Tun Juhar mengenai persediaan dan persiapan majlis konvokesyen yang akan

berlangsung nanti.

Hadir sama dalam kunjungan tersebut, Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr D Kamarudin D Mudin.